

Penduduk sudah hilang sabar

BANDARAYA MELAKA – Penduduk Kampung Enam di sini, sudah hilang sabar apabila kediaman mereka sering dilanda banjir terutamanya setiap kali hujan lebat.

Kali ini, hampir 31 daripada 50 rumah di kampung itu terjejas akibat banjir setinggi satu meter sejak Isnin lalu dan air semakin naik kira-kira jam 4 pagi semalam.

Rata-rata penduduk mendakwa, bencana itu berlaku susulan projek pengindahan Sungai Melaka fasa kedua yang sedang berjalan selain masalah sistem perparitan tidak sempurna di kawasan berkenaan.

Penduduk, Rashidi Buruh, 39, berkata, mereka terpaksa menanggung kerugian besar akibat banjir yang kerap berlaku lebih setahun lalu.

“Kalau banjir dah tiga hari tak surut-surut, siapa pun tak boleh tahan. Longkang belakang pun tak berfungsi, air bertakung sampai rumah saya dah senget.

“Siapa nak jawab dengan masalah ni. Mana wakil rakyat kawasan, datanglah sini, saya nak tengok muka dia,” katanya.

Bagi Mohd Isa Yusof,

54, pula, dia mengakui pihak pemaju projek terbabit sebelum ini pernah membayar pampasan sebanyak RM500 kira-kira dua tahun lalu.

“Dulu kalau banjir pun tak seteruk ini sebab air akan surut dan masuk ke sungai. Tetapi sekarang air sungai sudah rendah tetapi kawasan kami pula air tinggi sebab longkang bermasalah, tak boleh alirkan air ke sungai.

“Tolonglah pemaju atau pihak bertanggungjawab segera datang selesaikan masalah kami,” katanya menjangkakan air tidak akan surut sekiranya hujan berterusan.



Penduduk terpaksa mengharungi air setelah rumah dilanda banjir selepas hujan lebat sejak Isnin lalu.